

# KUTKM JALIN KERJASAMA DENGAN SEKTOR INDUSTRI DAN UNIVERSITI JERMAN

BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 24/10/2001 | Author: / NO NAK

MELAKA, 24 Okt (Bernama) -- Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) akan bekerjasama dengan beberapa sektor industri di negeri ini selain menjalankan program pembelajaran dengan universiti-universiti asing terutamanya dari Jerman.

Rektor KUTKM Prof Datuk Dr Mohd Ruddin Abd Ghani berkata kerjasama dalam kedua-dua bidang itu bertujuan melaksanakan visi menjadi sebuah universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.

"Perancangan yang teliti telah diatur bagi memenuhi tujuan penubuhan KUTKM iaitu menyediakan peluang kepada pelajar dalam jurusan teknik dan vokasional menyambung pengajian di peringkat pendidikan tinggi," katanya kepada pemberita selepas majlis ramah mesra KUTKM Bersama Media di sini, hari ini.

KUTKM ialah institusi pengajian tinggi awam ke-14 di negara ini yang beroperasi di kampus sementara di Taman Tasik Utama, di sini dengan pengambilan pelajar pertamanya sebanyak 360 orang pada Jun lepas.

Pada masa ini, ia menawarkan lima program pengajian peringkat ijazah sarjana muda iaitu kejuruteraan elektrik; kejuruteraan elektronik; teknologi maklumat dan komunikasi; kejuruteraan mekanikal dan kejuruteraan pembuatan.

Dr Mohd Ruddin berkata penubuhan KUTKM dengan sistem pengajian yang berasaskan 70 peratus pengajaran dalam bentuk latihan praktikal dan 30 peratus pengajaran teori selaras dengan permintaan sumber tenaga dalam bidang teknikal bagi menyokong keperluan industri semasa.

Antara sektor industri yang akan menjalankan kerjasama dengan KUTKM dalam memberikan latihan praktikal ialah industri automotif dan pembuatan DRB-Honda-Hicom, yang mempunyai kilang pengeluaran kereta Honda di Pegoh, Alor Gajah.

Selain itu, Infineon Technologies di Batu Berendam akan menerima pelajar KUTKM dalam industri kejuruteraan elektronik dan mekanikal.

Katanya para pelajar KUTKM akan ditempatkan selama enam bulan dalam bidang-bidang pengajian mereka di kilang-kilang berkenaan.

Rangkaian kerjasama dijalankan dengan universiti teknikal di Jerman, yang dikenali "Fachhochschulen", kerana sektor industri negara itu banyak menggunakan makmal dan peralatan dari negara itu dalam bidang industri.

" Kita akan menjemput tenaga pengajar dari Jerman untuk membantu terutama dalam perkembangan kurikulum dan sukanan pelajaran serta pembangunan makmal," katanya.

Beliau berkata KUTKM juga akan melebarkan kerjasama dengan negara-negara lain seperti Jepun, Perancis, United Kingdom, Kanada, Switzerland dan Amerika Syarikat dalam beberapa program latihan kejuruteraan industri tertentu.

Mengenai tenaga pengajar di KUTKM, Dr Mohd Ruddin berkata beberapa jurutera yang bekerja di sektor industri dan berpengalaman lebih lima tahun akan membantu pensyarah dalam program latihan amali.

Beliau juga berkata kerja-kerja pembinaan kampus tetap KUTKM di Durian Tunggal bermula tahun depan.

Fasa pertama daripada tiga fasa pembinaan kampus tetap kolej itu berharga RM400 juta, yang terletak bertentangan dengan Kolej Yayasan Saad berhampiran Plaza Tol Ayer Keroh, selain pembinaan lima fakulti dan satu pusat pengajian yang boleh memuatkan 3,000 pelajar.

Fakulti-fakulti yang dibangunkan ialah ialah kejuruteraan elektronik, kejuruteraan komputer, kejuruteraan mekanikal dan kejuruteraan pembuatan.

Beliau berkata keseluruhan kos pembangunan kampus tetap itu dianggarkan bernilai RM1 bilion dan dijangka siap pada 2010 dan KUTKM pada masa itu berupaya menampung 10,000 pelajar.

-- BERNAMA

NO NAK